

**PEMILIHAN LOKASI KEMUDAHAN PENGINAPAN
DI KAWASAN PAYA BAKAU DENGAN MENGGUNAKAN
PENDEKATAN GIS
KAJIAN KES : Tanjung Piai, Mukim Serkat, Pontian, Johor**

NOR ASIMAH BINTI SALLEH

**Tesis ini dikemukakan sebagai memenuhi syarat penganugerahan Ijazah
Sarjana Muda Perancangan Bandar dan Wilayah**

**Fakulti Alam Bina
Universiti Teknologi Malaysia**

NOVEMBER, 2006

ABSTRAK

Kemampuan pembangunan pelancongan adalah antara elemen penting dalam agenda pembangunan mampan. Kemampuan pelancongan ini termasuk penyediaan kemudahan penginapan. Dalam penyediaan kemudahan penginapan, pemilihan lokasi yang sesuai sangat penting terutamanya di kawasan paya bakau. Biasanya, pembangunan kemudahan penginapan memberi kesan negatif kepada alam sekitar terutamanya ekosistem paya bakau disebabkan kurangnya pertimbangan ke atas aspek ini. Oleh yang demikian, pemilihan lokasi kemudahan penginapan di kawasan paya bakau perlu dijalankan secara sistematik dan mengambilkira semua aspek dalam usaha mencapai pembangunan mampan dan meminimumkan kesan negatif kepada alam sekitar. Kaedah analisis multi-kriteria (MCA) digunakan sebagai pendekatan dalam mengenalpasti kriteria-kriteria pemilihan lokasi kemudahan penginapan. Kriteria-kriteria ini berdasarkan kepada garis panduan, piawaian dan kes-kes kajian terdahulu. Pendekatan ini menggunakan dua kaedah iaitu; (1) Penetapan kriteria dan sub-kriteria; (2) Penetapan jumlah skor. Ia diintegrasikan dengan kaedah perancangan berasaskan teknologi maklumat iaitu dengan penggunaan Sistem Maklumat Geografi (GIS) yang merupakan sistem yang fleksibel untuk pemilihan tapak. Ia dapat memanipulasi dan menggunakan data reruang dan bukan reruang, seterusnya menghasilkan keputusan perancangan yang lebih baik dan rasional. Hasil akhir merupakan dua alternatif iaitu alternatif A dan alternatif B. Cadangan-cadangan sebagai rujukan dan gambaran awal tentang pemilihan dan pembangunan tapak adalah berdasarkan kepada kriteria-kriteria yang diperlukan dan ciri-ciri tapak. Cadangan-cadangan ini dikemukakan bagi meningkatkan pengurusan dan pemeliharaan sumber semulajadi agar pembangunan yang mampan dan holistik dapat dicapai.

ABSTRACT

Sustainable tourism is important element in sustainable development agenda include providing of resort. In this case, it is important to select the suitable site for the resort especially in mangrove area. Frequently, the development of resort had problems on environmental especially on the mangrove ecosystem due to the lack consideration on the site selection aspects. Therefore, it is very crucial to do the site selection for resort development in a systematic way and considering all important aspects in order to achieve sustainable development as well as minimize environmental impact. Multi Criteria Analysis (MCA) is a method that has been used an indicator to assign the site selection criteria. The criteria are based on guidelines, standard and case study. There are two techniques in MCA which are; (1) Recognize criteria and sub-criteria; (2) Identify score. By using the information technology based (GIS), the MCA can be integrated with planning method and become a flexible system for site selection. There are two alternatives present by the analysis which are alternative A and alternative B. The recommendation suggested as typical guide for site selection and resort development. This recommendation suggested in order improving resource management and conservation, so that sustainable and holistic development can be achieved.